

# Israel mesti disingkir daripada PBB

Ketika umat Islam seluruh dunia sedang menjalani ibadah puasa pada bulan Ramadan, Israel menjalankan operasi ketenteraan pada minggu lalu terhadap penduduk Semenanjung Gaza. Israel melancarkan serangan itu sebagai tindak balas terhadap tiga remaja Yahudi yang diculik dan dibunuh pada awal bulan ini.

Dengan menggunakan alasan untuk membendung militan, tindakan tidak berperikemanusiaan itu telah membunuh berpuluh orang yang tidak bersalah dan mencederakan lebih 100 orang terutama orang tua, wanita dan kanak-kanak. Operasi ketenteraan terbabit juga telah banyak merosakkan infrastruktur asas dan penting yang terdapat di Semenanjung Gaza seperti sekolah, hospital, masjid dan lain-lain.

## Ikhar terus tindakan ganas

Pelbagai kecaman, kutukan dan kritikan dilemparkan ramai pihak terhadap tindakan Israel itu dari seluruh dunia. Namun segala kutukan itu ibarat mencurahkan air di daun keladi. Jumaat lalu, Perdana Menteri Israel sendiri berikrar untuk meneruskan tindakan ganas mereka tanpa mempedulikan segala kecaman, kutukan, dan kritikan dari seluruh dunia.

Tindakan ganas yang dilakukan pihak Israel ini bukan perkara baharu, malah ia dilakukan sejak tahun 1948 lagi. Pelbagai operasi keganasan dilakukan oleh pihak Israel terutama terhadap penduduk Palestin.

Peristiwa yang berlaku di perkampungan Abu Kabir, Dir Yasin, Abu Syasyah, Al-Lad, Al-biyyun dan Al-Syeikh misalnya yang mana pada 31 Mac 1948, kumpulan militan dan pengganas Israel yang dikenali sebagai 'Hajnah' membunuh semua penduduk perkampungan Abu Kabir yang cuba melarikan diri tanpa belas kasihan dan perikemanusiaan.

Pada ketika itu, tindakan mereka mengundang pelbagai bencana kekejaman kepada penduduk Palestin. Operasi ketenteraan yang dilakukan pihak Israel terhadap penduduk Semenanjung Gaza baru-baru ini sudah tentu akan mengundang ahli negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama negara Islam untuk mengusulkan resolusi kecaman terhadap tindakan itu.

Namun perlu diingatkan bahawa, pelbagai jenis resolusi kecaman, kritikan dan kutukan telah diambil terhadap Israel sejak lebih 60 tahun yang lalu, tetapi tidak dipedulikannya langsung.

Israel perlu diingatkan bahawa penubuhan negaranya

banyak terhutang budi kepada PBB itu sendiri. Pada tahun 1947, PBB memutuskan untuk membahagi daerah mandat British, Palestin. Keputusan ini ditentang keras oleh negara Timur Tengah dan banyak negara Islam. Mengikut PBB, kaum Yahudi mendapat 55 peratus dari seluruh wilayah tanah meskipun hanya membentuk 30 peratus penduduk di daerah itu. Manakala Baitulmuqaddis, bandar suci Yahudi, Muslim dan Kristian akan dijadikan bandar antarabangsa.

## Diserang tentera bersekutu Arab

Israel ditubuhkan pada 14 Mei 1948. Namun keesokan harinya, Israel diserang oleh pakatan tentera Lubnan, Syria, Jordan, Mesir, Iraq dan negara Arab yang lain. Dalam peperangan ini, Israel berjaya mengalahkan tentera bersekutu Arab, malah merampas lebih kurang 70 peratus dari luas wilayah Palestin.

Sejak penubuhan negara Israel, pelbagai masalah ditimbulkan bertentangan dengan tujuan dan matlamat penubuhan PBB itu sendiri. Antara matlamat utama penubuhan PBB seperti ditetapkan dalam Perkara 1 Piagam PBB 1945 (United Nations Charter 1945), adalah untuk mengelakkan berulangnya pertikaian yang hebat, menegaskan hak asasi manusia yang utama, menjamin rasa hormat akan undang-undang antarabangsa, serta memperbaiki taraf hidup penduduk di seluruh dunia.

Kegagalan pihak Israel untuk menghormati matlamat penubuhan PBB ini patut dihukum dengan penyingkirannya daripada pertubuhan antarabangsa terbabit. Perkara 6 Piagam PBB 1945 terbabit turut menyatakan dengan jelas bahawa 'Ahli Bangsa-Bangsa Bersatu yang berterusan melanggar Prinsip yang terkandung dalam Piagam ini boleh dibuang daripada Pertubuhan Melalui Perhimpunan Agung atas syor Majlis Keselamatan'.

Walaupun perkara ini sukar dilaksanakan terutama tanpa sokongan dari sesetengah negara yang menduduki Majlis Keselamatan PBB yang menjadi proksi serta penyokong kuat negara Israel, namun langkah yang diambil ini sekurang-kurangnya dapat membuka mata Israel untuk berfikir panjang sebelum melaksanakan sesuatu perkara melalui operasi ketenteraan yang sering dilakukan mereka.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia